

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh :

LPK:PB/600-4/1 Jld. 3 (21)

15 Julai 2021

Y.Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG  
BIL. 17/2021**

**AKTIVITI PENERIMAAN DAN PEMUNGGAHAN KARGO UNTUK 'LOADING' DAN  
'UNLOADING' BARANGAN IMPORT 'NON-ESSENTIAL' BAGI TUJUAN EKSPORT  
DAN IMPORT DIBENARKAN DI KAWASAN PKPD**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada e-mel dari Kementerian Pengangkutan Malaysia bertarikh 13 Julai 2021 dan Siaran Media YB Menteri Pengangkutan Malaysia bertarikh 14 Julai 2021 berkaitan Aktiviti Penerimaan Dan Pemunggaran Kargo Untuk 'Loading' Dan 'Unloading' Barangan Import 'Non-Essential' Bagi Tujuan Eksport Dan Import Dibenarkan Di Kawasan PKPD (**Lampiran 1**).

2. Dimaklumkan bahawa Majlis Keselamatan Negara telah memberikan kelulusan kepada pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia dan membenarkan semua aktiviti pengendalian, penerimaan, pemunggaran untuk 'loading' dan 'unloading' barangan import 'non-essential' bagi tujuan import dan eksport di kawasan yang dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Kebenaran Khas ini diberikan bermula **15 hingga 17 Julai 2021 (Khamis hingga Sabtu)** bagi mengurangkan kesesakan di pelabuhan-pelabuhan di seluruh negara. Manakala aktiviti 'loading' dan 'unloading' pula dibenarkan pada **hari Isnin, Rabu dan Jumaat** mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) MKN yang sedia ada.

3. Syarikat-syarikat yang terlibat mesti mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. SOP Pengangkutan dan Logistik bagi tempoh PKP yang dikemas kini pada 15 Jun 2021 (**Lampiran 2**);

- ii. Semua protokol penjagaan kesihatan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) termasuk pemeriksaan suhu badan, mengimbas kod QR menerusi aplikasi MySejahtera, mengamalkan penjarakan fizikal, menggunakan cecair pembasmi kuman dan memakai pelitup muka; dan
- iii. Tidak membenarkan individu di bawah pemantauan (PUS) atau mereka yang dikenakan kuarantin untuk mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti yang dibenarkan.

4. Susulan dengan itu, Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) akan mula melaksanakan pelepasan barangan selain daripada barangan penting (non-essential cargo / container) bermula pada 15 hingga 17 Julai 2021 dan seterusnya pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat di kedua-dua Terminal Pelabuhan (Northport dan Westports).

5. Para Pengeksport, Pengimport dan Pengendali Gudang boleh mendapatkan kebenaran PDRM di balai terdekat bersama dokumen yang berkaitan dengan operasi kargo mereka sebagai bukti (seperti invois, Bill of Lading, senarai pembungkusan dan lain-lain yang berkaitan) berserta senarai nama pekerja yang terlibat dalam melakukan aktiviti tersebut. Kebenaran daripada pihak polis ini boleh digunakan sebagai kebenaran perjalanan di Sekatan Jalan Raya (SJR) bersama surat majikan dan perlu ditunjukkan kepada anggota penguat kuasa yang menjalankan pemeriksaan di premis syarikat.


6. LPK menyeru kepada semua pengguna pelabuhan untuk mengambil semua langkah yang perlu bagi memastikan keselamatan dan kesihatan warga kerja di dalam tempoh sukar ini dan mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan, LPK dan Operator Pelabuhan.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(KAPT. K. SUBRAMANIAM)**  
Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan Kelang



## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### **AKTIVITI PENERIMAAN DAN PEMUNGGAHAN KARGO UNTUK 'LOADING' DAN 'UNLOADING' BARANGAN IMPORT 'NON-ESSENTIAL' BAGI TUJUAN EKSPORT DAN IMPORT DIBENARKAN DI KAWASAN PKPD**

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) komited dalam memastikan kapasiti gudang dan pelabuhan di seluruh negara tidak terjejas sehingga membantutkan rantai ekonomi ketika berdepan cabaran akibat pandemik COVID-19 serta membantu para pemain industri dapat menjalankan pengoperasian mereka dengan selamat dan cekap.

MOT mengalu-alukan kelulusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertarikh 13 Julai 2021 yang membenarkan semua aktiviti pengendalian, penerimaan, pemunggaan untuk 'loading' dan 'unloading' barangan import 'non-essential' bagi tujuan import dan eksport di kawasan yang dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Kebenaran khas ini diberikan bermula 15 Julai sehingga 17 Julai 2021 (Khamis - Sabtu) bagi mengurangkan kesesakan di pelabuhan-pelabuhan seluruh negara yang ada daripadanya telah mencapai kapasiti 80%. Manakala aktiviti 'loading' dan 'unloading' pula dibenarkan pada hari Isnin, Rabu, dan Jumaat mengikut prosedur operasi standard (SOP) MKN sedia ada.

MOT akan terus memantau perkembangan di pelabuhan dan lapangan terbang dari semasa ke semasa untuk memastikan barangan dan kargo dapat terus berjalan dengan selamat mengikut SOP ketat pencegahan COVID-19 seperti yang ditetapkan oleh MKN. Ini amat penting bagi tempat yang sibuk seperti Pelabuhan Klang supaya dapat mengekalkan pengoperasian yang cekap dan mengelakkan berlakunya kesesakan akibat kepadatan kargo sepanjang tempoh PKPD. Langkah ini juga diharapkan dapat membantu pemain industri mengurangkan kos penyimpanan yang tinggi.

Syarikat-syarikat dalam industri yang terlibat mesti mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

1. SOP Pengangkutan dan Logistik bagi tempoh PKPD yang dikemaskini pada 15 Jun 2021.



2. Semua protokol penjagaan kesihatan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) termasuk pemeriksaan suhu badan, mengimbas kod QR menerusi aplikasi MySejahtera, mengamalkan penjarakan fizikal, menggunakan cecair pembasmi kuman dan memakai pelitup separuh muka.
3. Tidak membenarkan individu di bawah pemantauan (PUS) atau mereka yang dikenakan kuarantin untuk mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti yang dibenarkan.

### **PROSEDUR:**

Pengeksport, pengimport, dan pengendali gudang boleh mendapatkan kebenaran polis di balai terdekat bersama dokumen yang berkaitan dengan operasi kargo mereka sebagai bukti (seperti invois, bil muatan, senarai pembungkusan, dan lain-lain yang berkaitan) beserta senarai nama pekerja yang terlibat dalam melakukan aktiviti tersebut.

Kebeneran daripada pihak polis ini boleh digunakan sebagai kebenaran perjalanan di sekatan jalan raya (SJR) dan perlu ditunjukkan kepada anggota penguatkuasa semasa melakukan aktiviti di premis syarikat.

Kebeneran khas ini tidak berkaitan dengan panduan sedia ada mengenai 'loading' dan 'unloading' barangan 'essential' dan kargo.

### **PEMATUHAN SOP PENCEGAHAN COVID-19**

MOT akan terus memantau situasi dari semasa ke semasa untuk memastikan pergerakan barangan dan kargo tidak terbantut demi manfaat pengguna sebagai destinasi akhir.

Semua kakitangan diingatkan supaya sentiasa menjaga penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter selagi diperlukan, mengurangkan interaksi, dan menggunakan transaksi tanpa sentuhan selagi boleh. Semua SOP lain yang diperlukan mesti dipatuhi dengan ketat termasuk penggunaan cecair pembasmi kuman, memakai peralatan pelindung diri (PPE) yang sesuai, dan mengimbas kod QR MySejahtera.



## **RECEIVING, LOADING, AND UNLOADING ACTIVITIES FOR IMPORTED NON-ESSENTIAL GOODS AND CARGO PERMITTED IN EMCO AREAS FOR EXPORT AND IMPORT PURPOSES**

The Ministry continues to ensure that port-related warehouse and container yard capacities nationwide remain uncongested so that economic supply chains are not hindered by the pandemic's challenges and to assist industry players in carrying out their businesses safely and efficiently.

We welcome the National Security Council's (MKN) approval for a special permission in a letter dated 13 July 2021 to permit all handling, receiving, loading, and unloading activities of imported non-essential goods and cargo for export and import purposes in areas under Enhanced Movement Control Order (EMCO).

To immediately reduce congestion at certain ports, which have reached as high as 80% of their capacities, this special permission will begin on 15 July to 17 July (Thursday to Saturday). Subsequently, loading and unloading activities are permitted to continue on Mondays, Wednesdays, and Fridays according to existing MKN SOPs.

MOT will continue to monitor the status of ports and airports to ensure that goods and cargo can continue to be transported safely under strict COVID-19 prevention procedures as stipulated by MKN. This is particularly important for high traffic areas such as in Port Klang to maintain efficient port operations and prevent cargo backlogs despite EMCO orders. This move is also expected to help companies mitigate high storage costs during this time.

Companies involved must comply with the following conditions:

1. Standard operating procedures (SOPs) for the Transport and Logistics Industry under MCO updated 15 June 2021.
2. All Ministry of Health healthcare protocols including temperature checks, MySejahtera check-ins, physical distancing, providing hand sanitisers, and wearing face masks.
3. Not allowing Persons Under Surveillance (PUS) or anyone under quarantine to participate in the permitted activities.



## **PROCEDURE:**

Exporters, importers, and warehouse operators may obtain police permission at the nearest station with their cargo-related document as proof (e.g. invoice, bill of lading, packing list, etc.) along with a list of worker's names involved in performing the activity.

This police permission can be used as travel permission at roadblocks and to be shown to enforcement personnel while performing the activity at the company's premises.

This special permission is unrelated to existing guidelines on loading and unloading of essential goods and cargo.

## **COMPLIANCE TO COVID-19 PREVENTION SOP**

The Ministry will continue to monitor the situation closely to ensure that the movement of goods and cargo is not hindered and to reduce shocks to the market in general.

All personnel are reminded to strictly maintain physical distance of at least one (1) metre where required, reduce interactions, and use contactless transactions wherever possible. All other required SOPs including use of hand sanitisers, wearing of appropriate personal protective equipment (PPE), and checking in with MySejahtera QR codes must be strictly adhered to.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG**  
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**14 JULAI 2021**

**-TAMAT-**

---

### **Pertanyaan Media:**

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**

Hotline 1800-88-7723  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)



# SOP PENGANGKUTAN & LOGISTIK (PKP)

## Merangkumi

1. Perkhidmatan *freight forwarder* dan agen kastam
2. Operasi lori
3. Operasi rel barangan (*freighttrain*)
4. Operasi shipping line dan *Non Vessel Operating Common Carrier (NVOCC)*
5. Operasi kargo udara (*air freight*)
6. Aktiviti penstoran (pergudangan, off dock, pusat pengagihan courier)
7. Operasi *Inland Container Depot*
8. Operasi *ancillary services* kepada pengangkutan melalui darat, air atau udara (towing, MRO dan lain-lain)

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P. U. (A) 265/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Pekeliling MKN dan KKM.
- Akta Pengangkutan Jalan 1987.
- Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.
- Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987.
- Akta Keretapi 1991.

Waktu Beroperasi	24 jam	Waktu Kehadiran Pelanggan	24 jam	Kapasiti Pekerja	Optima
------------------	--------	---------------------------	--------	------------------	--------

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Pemunggaran ( <i>loading/unloading</i> )	Digalakkan supaya aktiviti pemunggaran dilaksanakan oleh pemilik barangan dan bukan oleh pemandu/kelindan bagi mengurangkan kontak pekerja.
2. Penstoran ( <i>gudang, off dock, in land container depot etc</i> )	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Mewajibkan pemakaian pelitup muka</b> dan penggunaan <i>hand sanitizer</i> atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun.</li> <li>ii. Melaksanakan garis panduan amalan jarak selamat/ <i>safe distancing</i> (tanda jarak 1 meter dilantai, meja dan kerusi).</li> </ol>
3. Syaratkat Pengangkutan Dan Logistik	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pemandu dan kelindan <b>diwajibkan memakai pelitup muka</b> dan mengamalkan penjarakan fizikal semasa menjalankan tugas dan mengurangkan kontak dalam setiap urusan.</li> <li>ii. Setiap pemandu dan kelindan melakukan saringan gejala dan suhu sebelum memulakan tugas.</li> </ol>
4. Kargo Darat (Lori/ Van/ Wagon/ Pikap/ Kereta/ Motosikal)	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Digalakkan menggunakan mod pengangkutan kargo melalui rel.</li> <li>ii. Digalakkan beroperasi dari jam 7.00 malam sehingga 7.00 pagi.</li> <li>iii. Kenderaan yang digunakan perlu menjalani pembersihan dan nyahkuman berkala mengikut Garis Panduan Tatacara Pembersihan dan Disinfeksi KKM.</li> </ol>
5. Penyimpanan (Gudang/Pusat E-fulfillment)	Pekerja bagi urusan pemunggaran ( <i>loading/unloading</i> ) perlu mematuhi SOP, am, syarat penjarakan fizikal dan menjalani saringan gejala sebelum memulakan tugas.



# SOP PENGANGKUTAN & LOGISTIK (PKP)

Dikemaskini pada 15 Jun 2021

## Merangkumi

1. Perkhidmatan *freight forwarder* dan agen kastam
2. Operasi lori
3. Operasi rel barangan (*freighttrain*)
4. Operasi shipping line dan *Non Vessel Operating Common Carrier (NVOCC)*
5. Operasi kargo udara (*air freight*)
6. Aktiviti penstoran (pergudangan, off dock, pusat pengagihan courier)
7. Operasi *Inland Container Depot*
8. Operasi *ancillary services* kepada pengangkutan melalui darat, air atau udara (towing, MRO dan lain-lain)

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P. U. (A) 265/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Pekeliling MKN dan KKM.
- Akta Pengangkutan Jalan 1987.
- Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.
- Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987.
- Akta Keretapi 1991.

Waktu Beroperasi	24 jam	Waktu Kehadiran Pelanggan	24 jam	Kapasiti Pekerja	Optima
<b>AKTIVITI DAN PROTOKOL</b>					
<b>Tindakan</b>					
6. Kargo Rentas Sempadan	Semua kru udara, anak-anak kapal serta pekerja lori <b>diwajibkan memakai pelitup muka</b> dan dikehendaki menjalani saringan gejala dan suhu serta mematuhi peraturan kawalan sempadan sebagaimana dipersetujui di antara Kerajaan Malaysia dengan negara–negara berkenan.				
7. Kargo Darat, Udara, Laut	Pekerja yang terlibat <b>wajib memakai pelitup muka</b> dan perlu mengamalkan penjarakan fizikal dan saringan gejala. Kenderaan dibenarkan merentas daerah/negeri bagi tujuan menghantar barangan – bukti nota penghantaran/consignment note diperlukan				
8. Pembersihan dan Sanitasi	Kenderaan yang digunakan perlu menjalani pembersihan dan nyahkuman berkala mengikut Garis Panduan Tatacara Pembersihan dan Disinfeksi KKM.				
9. Protokol Tindak Balas Kecemasan ( <i>Emergency Response Protocol – ERP</i> )	Menyediakan ERP yang menyatakan apa yang perlu dilakukan sekiranya berlaku jangkitan COVID-19 atau pun kes siasatan jangkitan COVID-19 terhadap pekerja.				
10. Aplikasi MySejahtera	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemandu, kelindan dan pekerja perlu mengguna pakai aplikasi MySejahtera sebelum memasuki mana-mana premis bagi pengesanan kontak rapat.</li> <li>• Mencatatkan nama dan nombor telefon secara manual sebelum memasuki premis jika tidak menggunakan aplikasi MySejahtera.</li> </ul>				





# SOP PENGANGKUTAN & LOGISTIK (PKP)

Dikemaskini pada 15 Jun 2021

## Merangkumi

1. Aktiviti penerimaan kargo/barangan import non-essential di premis bagi tujuan simpanan
2. Aktiviti pemungghahan kargo/barangan non-essential bagi di tujuan eksport
3. Aktiviti Penstoran (pergudangan)

TERHAD kepada barangan yang sedia ada sahaja

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Tidak Dibenarkan.

## Arahan Tetap

- Peraturan 16 P. U. (A) 265/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Pekeliling MKN dan KKM.
- Akta Pengangkutan Jalan 1987.
- Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.
- Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987.
- Akta Keretapi 1991.

<b>Waktu Beroperasi</b>	8 pagi -- 8 mlm (Isnin, Rabu & Jumaat)	<b>Kapasiti Pekerja</b>	<b>Mengikut keperluan loading kargo</b>
-------------------------	---	-------------------------	---

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
<p><b>Kebenaran membuka premis</b></p> <p>Pergerakan pekerja</p> <p>Jumlah pekerja yang dibenarkan</p>	<p>Pembukaan premis bagi tujuan pemungghahan barangan ini perlu mendapatkan kelulusan dari PDRM dengan mengemukakan bukti dokumen import/eksport barangan</p> <p>Majikan perlu memastikan senarai nama pekerja di sertakan dalam permohonan operasi kepada PDRM</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Maksima 8 pekerja bagi pemungghahan 1 kargo/kontena.</li> <li>• Tambahan 2 org bagi setiap penambahan kargo/kontena yang dipungghah pada masa yang sama</li> </ul> <p>Cth: 2 kargo/kontena = 8 + 2 (ekstra) = 10 org 3 kargo/kontena = 8+2+2 = 12 org</p> <p>Hanya pekerja yang bertugas (active duty) dibenarkan berada di premis</p>
<p>Protokol Kesihatan Umum</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mematuhi protokol kesihatan umum yang digariskan dalam SOP AM MKN</li> </ul>